

Kesan Kenaikan Kadar Fed terhadap Ekonomi Malaysia

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Bank Pusat Amerika Syarikat (AS), iaitu Sistem Rizab Persekutuan (*Federal Reserve System*) atau yang secara ringkasnya biasa dikenali sebagai Fed, telah menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada minggu lepas. Kadar faedah ini dikenali sebagai kadar dana persekutuan (*federal funds rate*) atau sering disebut sebagai kadar Fed. Mengapakah Fed menaikkan kadar faedah dan apakah implikasinya kepada ekonomi Malaysia?

Kadar faedah Fed merupakan instrumen dasar kewangan yang digunakan oleh bank pusat AS untuk mempengaruhi permintaan agregat di dalam ekonomi. Fed mempunyai autonomi sepenuhnya untuk melaksanakan dasar kewangan di AS. Manakala, dasar fiskal adalah di bawah bidang kuasa Presiden AS. Dasar kewangan diputuskan oleh Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) yang dianggotai oleh gabenor-gabenor dua belas Bank Rizab Persekutuan (*Federal Reserve Bank*). Dua belas Bank Rizab Persekutuan ini membentuk Sistem Rizab Persekutuan. FOMC dipengerusikan oleh Pengerusi Fed, iaitu Janet Yellen.

Fed akan menaikkan kadar faedah untuk mengurangkan permintaan agregat atau apa yang dipanggil dasar kewangan menguncup. Sebaliknya, Fed akan menurunkan kadar faedah untuk meningkatkan permintaan agregat atau apa yang dipanggil dasar kewangan mengembang.

Ini bermakna, di dalam situasi semasa Fed melaksanakan dasar kewangan menguncup, yakni untuk mengurangkan permintaan agregat, juga bermakna memperlahankan pertumbuhan ekonomi. Ini dilakukan untuk mengawal kadar inflasi supaya tidak meningkat melebihi kadar yang disasarkan. Ini adalah perkara biasa

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kerana Fed melaksanakan dasar kewangan dengan menyasarkan supaya kadar inflasi terkawal di bawah paras dua peratus.

Tindakan Fed untuk menaikkan kadar faedah ini memang sudah dijangka kerana ekonomi AS berkembang dengan agak baik. Kadar pengangguran telah menurun kepada 4.7 peratus yang dianggap baik di AS kerana hampir mencapai kadar yang dianggap sebagai guna tenaga penuh yakni 4.0 peratus. Fed menjangkakan kadar pengangguran akan terus menurun ke paras 4.5 peratus. Pertumbuhan ekonomi yang baik ini sedikit sebanyak disumbangkan oleh dasar fiskal mengembang. Dasar Presiden Trump dijangka akan meningkatkan peluang pekerjaan domestik.

Langkah Fed menaikkan kadar faedah ini mempunyai kesan secara langsung kepada Malaysia melalui saluran perdagangan. Jika kenaikan kadar faedah ini berkesan untuk memperlahankan pertumbuhan permintaan agregat di AS, permintaan untuk eksport barangan Malaysia ke AS akan menurun atau sekurang-kurangnya tumbuh dengan lebih perlahan.

Susulan dari kesan kelembapan permintaan agregat di AS dan sekiranya lain-lain faktor tidak berubah, permintaan untuk ringgit akan juga menjadi lembap kerana pengurangan transaksi perdagangan antara AS dengan Malaysia. Keadaan ini seterusnya akan melemahkan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS (USD). Walau bagaimanapun, kelemahan nilai ringgit pula dijangka akan meningkatkan permintaan untuk barangan eksport dari Malaysia kerana ianya lebih murah di dalam mata wang USD.

Kedua-dua kesan ini adalah berlawanan antara satu sama lain. Kelembapan permintaan untuk eksport Malaysia akan melemahkan nilai ringgit, sebaliknya nilai ringgit yang lemah akan meningkatkan permintaan untuk eksport. Kesan akhir adalah tidak pasti. Namun besar kemungkinan kesan terhadap peningkatan eksport kerana kelemahan ringgit berbanding USD adalah lebih dominan. Ini kerana eksport Malaysia ke lain-lain negara rakan dagang Malaysia dijangka akan turut meningkat kerana kebanyakan transaksi perdagangan adalah di dalam USD. Kelemahan ringgit berbanding USD akan membuatkan barangan Malaysia lebih menarik di pasaran global.

Dalam pada itu, berkemungkinan besar para pengeksport dari Malaysia juga telah bersedia menghadapi pengurangan permintaan dari AS. Ini adalah kerana kenaikan kadar faedah ini telah dijangka. Ianya bukan suatu kejutan. Oleh itu mereka dijangka telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menghadapi situasi ini.

Selain dari kesan terhadap perdagangan, kenaikan kadar faedah di AS juga akan mempengaruhi pergerakan modal jangka pendek atau apa yang dipanggil pelaburan portfolio. Para pelabur jangka pendek akan mengambil kesempatan di atas perbezaan kadar faedah antara lain-lain ekonomi di dunia untuk meraih keuntungan. Dengan kenaikan kadar faedah di AS, dana portfolio dijangka akan mengalir keluar dari Malaysia ke AS.

Namun demikian, pengaliran modal jangka pendek ini tidak mempunyai kesan secara langsung terhadap prestasi ekonomi jangka panjang. Lebih tepat lagi, ianya tidak mempengaruhi variabel-variabel makroekonomi secara langsung. Walau bagaimanapun, ianya mempunyai kesan tidak langsung terutamanya melalui saluran mata wang.

Seperti juga melalui saluran perdagangan, pengaliran keluar modal jangka pendek mempengaruhi permintaan untuk ringgit. Oleh kerana pergerakan modal ini keluar dari Malaysia, maka permintaan untuk ringgit akan menurun. Sebaliknya, permintaan untuk USD akan meningkat. Ini akan memberi tekanan terhadap nilai ringgit.

Ringkasnya, kedua-dua saluran – perdagangan dan modal jangka pendek – akan melemahkan nilai ringgit di dalam situasi ini. Namun, Bank Negara dijangka akan mengambil langkah-langkah perlu untuk menstabilkan ringgit. Justeru, kesan terhadap ringgit dijangka adalah sederhana.

Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi jangka panjang dijangka tidak dipengaruhi oleh peristiwa semasa ini. Ekonomi Malaysia dijangka akan tumbuh dengan lebih pantas pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas. Permintaan domestik dijangka akan terus menjana pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, permintaan antarabangsa juga dijangka akan lebih baik pada tahun ini untuk membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.